

## Wanita miliki sembilan ekor pelanduk tanpa lesen ditahan

**LANGKAWI** - Seorang wanita ditahan kerana memelihara sembilan ekor pelanduk tanpa lesen di Kampung Mawat Ulu Melaka, di sini pada Sabtu.

Komander Pasukan Polis Marian (PPM) Wilayah Satu Pulau Pinang, Asisten Komisioner Rosman Ismail berkata, wanita berusia 46 tahun itu ditahan sepasukan anggota PPM Langkawi dan anggota Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) selepas menerima maklumat Unit Risikan Marin (URM) Langkawi.

"Kita menemui sembilan

pelanduk ketika pemeriksaan sekitar rumah tersebut.

"Suspek juga gagal mengemukakan surat kebenaran Perhilitan Langkawi," katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Rosman berkata, pelanduk yang dirampas dianggarkan bernilai RM1,500 kemudiannya dibawa ke Jabatan Perhilitan Langkawi untuk tindakan lanjut.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 60(1)(a) Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 dan suspek kemudian dibebaskan dengan jaminan polis.

Sebahagian pelanduk dipelihara wanita tersebut di sebuah rumah di Kampung Mawat Ulu Melaka di sini pada Sabtu.

